

TINDAKAN TEPAT

» Kelab penyokong JDT sokong ketegasan Tunku Ismail bagi memastikan tidak ada pihak ambil kesempatan dan perlekeh kredibilitinya

Oleh Rizar Mohd Noor
rizar@bh.com.my

► Johor Bahru

Kelab Penyokong Bola Sepak Johor Darul Ta'zim (KPBJDT) menganggap tindakan yang diambil Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim (**gambar**) melepaskan jawatan sebagai Penasihat Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), berkuatkuasa kelmarin, adalah tepat.

Presiden KPBJDT, Azman Jalil berkata, ketegasan Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) itu bagi memastikan tidak ada pihak cuba mengambil kesempatan dan memperlekehkan kredibilitinya.

"Kami sokong tindakan yang

diambil Tunku Ismail. Sejak memegang jawatan itu Oktober tahun lalu beliau langsung tidak diberi peluang untuk mengutarakan pandangan demi kemajuan bola sepak tempatan dan negara sebaliknya ada pihak lain yang lebih 'berkuasa'.

Perlu profesional

"Apa yang dikatakan oleh Tunku Ismail ada benarnya, sebuah organisasi perlu dikendalikan oleh golongan yang berdedikasi, profesional dan berpengalaman mengenai bola sepak, bukan ditadbir oleh mereka

BERITA HARIAN (M/S 40)

21 FEBRUARI 2015

yang mempunyai kepentingan peribadi serta mengejar modal politik.

"Jika FAM masih di takuk lama dan tidak mahu mendengar pandangan atau pen-



dapat, bola sepak di negara ini tidak akan ke mana. Kita tidak mahu sampai penyokong muak dan benci untuk hadir menyaksikan perlawanan bola sepak tidak kira saingan liga atau aksi antara-bangsa," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, sepatutnya FAM sebagai badan induk bola sepak negara perlu bertimbang rasa dengan jadual Liga Super yang padat dan saingan Piala AFC yang perlu diharungi JDT tetapi lain pula ceritanya apabila permohonan JDT untuk meminda perlawanan ditolak.

Kelmarin, dalam kenyataan menerusi lama rasmi Johor Southern Tigers, Tunku Ismail mengumumkan melepaskan jawatan sebagai Penasihat FAM.

◉ Sukan 36

Tamatkan kemarau lima tahun selepas pungut gangsa di Kejohanan Trek Dunia 2015

Oleh Aziman Rosdi
aziman@metro.com.my
Kuala Lumpur

Biarpun masih jauh namun bayangan pingat di Sukan Olimpik Rio 2016 mula kelihatan buat jaguh lumba basikal negara, Mohd Azizulhasni Awang selepas menamatkan penantian selama lima tahun untuk kembali menaiki podium di Kejohanan Trek Dunia 2015 di Perancis dengan meraih pingat gangsa acara keirin semalam.

Kejayaan itu cukup manis dikecapi pelumba berusia 27 tahun itu apabila terpaksa bangkit selepas beberapa kontroversi pengadilan serta tragedi kemalangan dalam perlumbaan yang hampir menjejaskan kariernya.

"Alhamdulillah selepas lima tahun akhirnya saya kembali menaiki podium. Bukan mudah dengan apa yang saya harungi termasuk beberapa kontroversi pengadilan sebelum ini. Ini permulaan baik untuk ke Sukan Olimpik Rio.

"Saya boleh nampak peluang saya di Rio kerana prestasi kini berada di tahap terbaik. Saya cuma perlu berusaha memantapkannya," katanya ketika dihubungi Arena Metro di Paris semalam.

Pada perlumbaan mendebarikan di Velodrome de Saint-Quentin-en-Yvelines Paris, Azizulhasni yang baru dinobatkan raja keirin Asia di Korat hampir dua minggu lalu me-



AZIZUL Awang meraih pingat gangsa.

HARIAN METRO (M/S, B.K.)
21 FEBRUARI 2015

Azizul tebus hampa

namatkan perlumbaan di belalang pelumba tuan rumah, Francois Perivis yang mengekalkan kejuaraan manakala Edward Dawkins dari New Zealand kedua.

Ini pingat ketiga di pentas dunia buat pelumba berusia 27 tahun itu selepas memenangi perak acara pecut di Poland 2009 dan keirin di Copenhagen pada tahun berikutnya.

Azizulhasni yang terlepas pingat

emas kerana dibatalkan di Sukan Komanwel New Delhi 2010, perak Sukan Asia Incheon 2014 serta cedera teruk di kaki akibat tertusuk kayu akibat kemalangan pada aksi Siri Piala Dunia Klasik Manchester 2011 tetap gembira dengan layuhan serta strategi dalam perlumbaan itu biarpun mengakui boleh meraih kedudukan lebih baik.

"Saya bermula dari belakang dan terpaksa guna banyak tenaga untuk

ke depan, kemudian ketika di pusingan akhir ada pelumba New Zealand menolak saya menyebabkan pecutan sedikit terganggu.

"Kalau saya dapat posisi seperti dimiliki Pervis dan Dawkins pasti boleh mendapat warna pingat lebih baik," katanya.

Azizulhasni yang bakal kembali ke Melbourne, Australia bagi meneruskan latihan dan pengajiannya sebelum musim baru perhambaan

bermula sekitar September dan Oktober menganggap pingat itu cukup bermakna untuk menutup mulut mereka yang mengkritik jurulatih John Beasley serta hadiah hari lahir ibunya Selamiah Yong, Rabu lalu.

"Saya hadiahkan kemenangan ini untuk ibu sempena hari lahirnya dan juga kepada John yang selalu dihentam pengkritik yang tidak berilmu," jelasnya.

Gift from Paris

Azizul bags bronze in men's keirin final

By LIM TEIK HUAT

THE STAR (M/S. 39) 21 FEBRUARI 2015
 was a super competitive semi-final heat behind Pervis and Dawkins.

PETALING JAYA: Azizulhasni Awang has presented Malaysia with a pleasant Chinese New Year gift – all the way from chilly Paris.

The newly-crowned Asian champion became the pride of Asia once again as he barged ahead of 2009 world champion Maximilian Levy of Germany at the finish line of the men's keirin final to claim bronze in the Track World Championships at the Velodrome de Saint-Quentin-en-Yvelines yesterday.

But there was no such joy for training partner Josiah Ng, who ended his illustrious 15-year career with the national team after being eliminated in the repechage stage.

France's Francois Pervis retained his keirin title with a blistering final lap in front of his home fans ahead of New Zealand's Edward Dawkins and Azizul.

Azizul stormed into the top-six final after finishing third in what

Azizul advanced to the semi-finals in superb fashion after winning his first round heat.

Josiah finished last in the first round heat, which was won by Glasgow Commonwealth Games sprint champion Sam Webster of New Zealand.

Josiah then failed to make the most of a second chance after coming in fourth in the repechage, which he needed to win to progress.

This is the third podium finish for the 27-year-old Azizul in the world meet since breaking into the national elite squad in 2007.

Azizul, who was crowned Asian keirin champion in Korat just two weeks ago, already has two silver medals in his collection – from sprint in the 2009 edition in the Polish city of Pruszkow and keirin in Copenhagen the following year.

There were shocks as well when former world champions Shane Perkins (2011) of Australia and

Britain's Jason Kenny (2013) became first-round casualties.

Malaysian National Cycling Federation (MNCF) track development committee chairman Datuk Naim Mohamad said that Azizul's decision to skip the final round of the Track World Cup in Cali, Colombia, last month, had paid off.

"We can see him slowly regaining the kind of sterling form he showed a few years ago when he came so close to getting a medal (he finished fourth) in the second round of the Track World Cup in London last December," said Naim.

"He returned to Melbourne to prepare for the Asian Cycling Championships in Thailand and also this world meet.

"He has now made the continent proud again with his exploits in keirin. He was not intimidated by his bigger rivals and went all out to gain a place on the podium."

Josiah, meanwhile, can hold his head high having played a part in inspiring the likes of Azizul and for-



Well done! Azizulhasni Awang (left) shows off his bronze medal with Josiah Ng at the Track World Championships at the Velodrome de Saint-Quentin-en-Yvelines, France, yesterday.

mer Asian keirin champion Rizal Tisin although his final ride was a letdown.

"I may not have had a fairy-tale ending but I savoured this last moments of my career ... I can go out with my head held high. I've had many chances to shine ... now it's time for others to keep doing Malaysia proud.

"I'm proud that I managed to build a legacy. Every time Azizul or a jun-

ior wins, I feel like it's a part of me.

"I was the only one doing this when I came onto the track scene 15 years ago. I've produced far more than I could imagine," said the former Olympic finalist, who also congratulated Azizul for his gritty display.

"Azizul rode like a gladiator today and ended up with a bronze. I'm so proud of him and am honoured to be his team-mate and friend."

Pingat ketiga diraih *Pocketrocket Man* dalam Kejohanan Trek Dunia UCI

Azizulhasni kayuh gangsa

■ KUALA LUMPUR

JAGUH berbasikal negara, Azizulhasni Awang membuktikan mengapa dia layak digelar *Pocketrocket Man* apabila melabuhkan kayuhan hebat untuk merangkul pingat ketiganya pada Kejohanan Trek Dunia dengan meraih gangsa acara keirin di Perancis, semalam.

Masih segar dengan kejayaan muncul juara Asia di Thailand dua minggu lalu, Azizulhasni memberi tentangan hebat kepada penyandang juara, Francois Pervis dari Perancis dan Edward Dawkins dari New Zealand dalam perlumbaan di Velodrom Saint-Quentin-en-Yvelines, berhampiran Paris.

Pervis bagaimanapun berjaya menamatkan perlumbaan selaku juara, meninggalkan Dawkins dengan pingat perak.

Azizulhasni yang memiliki tubuh jauh lebih kecil berbanding kedua-dua pekumba itu masih mampu mengatasi juara dunia 2009, Maximilian Levy dari Jerman untuk menaiki podium Kejohanan Dunia buat kali ketiga sejak menyertai skuad kebangsaan pada 2007.

Kejayaan terbaik pelumba berusia 27 tahun itu pada Kejohanan Trek Dunia sebelum ini adalah meraih dua pingat perak dalam acara pekut dan keirin, masing-masing di Pruszkow, Poland dan Copenhagen, Denmark pada tahun 2009 dan 2010.

Nasib bagaimanapun tidak menyebelahi seorang lagi pelumba negara, Josiah Ng apabila gagal menempatkan diri dalam kelompok terbaik peringkat

Kejayaan meraih pingat itu sekali gus memberikannya mata ranking tambahan untuk peluang beraksi di Sukan Olimpik Rio de Janeiro tahun depan.

NAIM MOHAMAD
Timbalan Presiden PKBM

kelayakan dan pusingan repechage. Secara keseluruhan, Josiah menamatkan saingan di tempat ke-21.

"Hari yang menakjubkan buat pasukan kami. Rakan sepasukan, Azizul, memcut bagaikan 'gladiator' hari ini dan menamatkan perlumbaan dengan gangsa.

"Saya kagum dengan dia dan bangga dapat menjadi sahabat dan rakan sepasukannya," kata Josiah dalam Facebook.

Dalam masa yang sama, Josiah turut mengumumkan Kejohanan Trek Dunia adalah penampilan terakhirnya kerana dia akan bersara selepas ini.

Sementara itu, Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) dalam satu kenyataan, mengucapkan tahniah kepada Azizulhasni dan dalam masa sama berterima kasih atas sumbangan Josiah.

"Sekalung tahniah saya ucapkan kepada Azizul. Dia menunjukkan prestasi yang konsisten selepas memenangi acara yang sama di Kejohanan Berbasikal



AZIZULHASNI AWANG (kanan) merayakan kejayaan meraih pingat gangsa dalam acara keirin pada Kejohanan Trek Dunia UCI di Velodrom Saint-Quentin-en-Yvelines, berhampiran Paris, semalam bersama juara, Francois Pervis (tengah) dan naib juara, Edward Dawkins. -AFP

Asia (ACC) awal bulan ini.

"Kejayaan meraih pingat sekali gus memberikannya mata ranking tambahan untuk beraksi di Sukan Olimpik tahun depan," kata Timbalan Presiden PKBM, Datuk Naim Mohamad

dalam kenyataan itu.

Josiah, yang baru menyambut ulang tahun kelahirannya yang ke-35 pada 2 Februari lalu dilahirkan di Manila dan pernah beraksi dua kali dalam Sukan Olimpik iaitu di Athens (2004)

dan Beijing (2008). Dia menjadi pelumba simpanan di Temasya London 2012.

Dalam penampilan di Athens, Josiah muncul pelumba Malaysia pertama berjaya melangkah ke peringkat akhir keirin, namun

sekadar menamatkan perlumbaan di tempat kelima.

Kejayannya itu membolehkannya Josiah dipilih sebagai Olahragawan Kebangsaan 2004 dan Anugerah Olimpian Majlis Olimpik Malaysia (MOM) 2004.



ABDUL MOKHTAR AHMAD

UTUSAN MALAYSIA (M/S...)

Cara TMJ tidak kena

21 FEBRUARI 2015

Oleh ZAZALI JAMIAN
sukan@utusan.com.my

KUALA LUMPUR - "Alasan yang diberikan beliau (Tunku Ismail Sultan Ibrahim) ketika melepaskan jawatan tidak kena caranya".

Itu reaksi Timbalan Presiden Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM), Datuk Abdul Mokhtar Ahmad yang mengakui amat kecewa dengan kenyataan diberikan Presiden Persatuan Bola Sepak Negeri Johor (PBNJ) tersebut.

Tunku Ismail kelmarin mengeluarkan kenyataan bahawa dia meletakkan jawatannya sebagai Penasihat FAM kerana tidak mahu menjadi sebahagian daripada organisasi yang tidak adil dan tidak profesional.

Kata Abdul Mokhtar, sewajarnya Tunku Ismail menggunakan saluran yang betul serta memperhalusi alasannya kerana beliau juga sebelum ini adalah sebahagian daripada FAM.

"Saya akui Tunku Ismail seorang yang bagus, malah saya percaya suatu hari nanti beliau mampu memimpin FAM dan kita kalau boleh tidak mahu kehilangannya.

"Namun, apa yang diperkatakan tentang kami (FAM) sebagai tidak telus adalah tidak adil.

"Sekiranya tindakan tersebut ada kena mengena dengan permohonan JDT (Johor Darul Ta'zim) untuk meminda tarikh perlawanan

menentang Selangor dan Sarawak maka saya berpendapat Datuk Seri Afandi Ahmad selaku Pengerusi Jawatankuasa Pertandingan Tempatan yang sebelum ini telah menjelaskannya secara terperinci," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Tunku Ismail meletak jawatan tidak sampai setahun selepas dilantik pada Oktober lalu, dan pengumuman tersebut dibuat dalam satu kenyataan melalui akaun Facebook *JOHOR Southern Tiger*, kelmarin.

Dalam kenyataan tersebut Tunku Ismail mengharapkan bahawa suatu hari nanti persatuan-persatuan bola sepak diuruskan oleh mereka yang profesional, selain mengimpikan penyokong tempatan lebih bertamadun dalam menyokong pasukan masing-masing serta tidak berbalah sesama sendiri.

Sebelum ini, Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) menolak permintaan PBNJ untuk meminda tarikh pertemuan kedua-dua pasukan atas alasan cuti perayaan Tahun Baharu Cina dan kesukaran mendapatkan petugas keselamatan pada hari perlawanan tersebut.

Pihak PBNJ mengemukakan permohonan tersebut kerana mahu mendapatkan masa yang mencukupi beraksi di Piala AFC pada Selasa depan bertemu kelab India, East Bengal.

